



## MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR

### IKLAN JAWATAN KOSONG

1. Permohonan adalah dipelawa kepada calon-calon ANAK NEGERI SELANGOR yang berkelayakan untuk mengisi jawatan perkhidmatan kontrak seperti berikut :

BIL	JAWATAN	GRED	KEKOSONGAN
A.	<b>GRED LANTIKAN</b>		
1.	PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN	S29	1
2.	JURUPULIH PERUBATAN (FISIOTERAPI)	U29	1
3.	PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)	W19	1
4.	PEMBANTU BELIA DAN SUKAN	S19	1

2. (i) Tarikh mula iklan ialah pada **1 September 2023**  
(ii) Tarikh tutup permohonan ialah pada **14 September 2023**

3. **TARAF JAWATAN :**

- **CONTRACT OF SERVICE**

4. **UMUR:**

- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

5. **WARGANEGARA :**

- Warganegara Malaysia dan
- Kelahiran Negeri Selangor, atau ibu atau bapa dilahirkan di Negeri Selangor, atau telah bermastautin di Negeri Selangor selama lebih 15 tahun serta mendapat pengesahan daripada Penghulu / JKKK.  
**(Surat pengesahan pemastautin hendaklah dilampirkan bersama Borang permohonan).**

6. Jadual Gaji  
7. Syarat Lantikan  
8. Fungsi / Bidang tugas
- Sila rujuk portal rasmi MSN Selangor di alamat berikut:  
<http://www.mnselangor.gov.my>

9. **CARA MEMOHON**

- (a). Semua permohonan hendaklah dibuat dengan memuat turun Borang Permohonan Jawatan di [www.mnselangor.gov.my](http://www.mnselangor.gov.my).
- (b). Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada Majlis Sukan Negeri Selangor beserta dengan dokumen-dokumen sokongan seperti di perenggan (c) di bawah:
- (c). Semua permohonan hendaklah disertakan sekeping gambar berukuran paspot, salinan kad pengenalan pemohon, ibu dan bapa serta sijil lahir, sijil-sijil persekolahan dan lain-lain dokumen yang berkaitan.
- (d). Sila tulis nama jawatan di sebelah atas kiri sampul surat.
- (e). Semua salinan sijil hendaklah **diakui sah**.
- (f). **Permohonan yang berikut akan ditolak/tidak akan diproses jika:**
- tidak disertai dengan dokumen yang diperlukan
  - tidak lengkap atau tidak terang
  - tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan
  - tidak besertakan gambar dan
  - tidak ditandatangani
- (g). Permohonan hendaklah dialamatkan kepada :

**Pengarah Eksekutif  
Majlis Sukan Negeri Selangor  
Aras 3, Kompleks Generasi Muda Dan Sukan Negeri Selangor,  
Lot 4, Jalan Platinum 7/52, Seksyen 7, Persiaran Kayangan,  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.**

Sebelum atau pada **14 September 2023 (Khamis) jam 5.00 petang**.

- (h). Hanya calon yang berkelayakan dan melepassi saringan yang dijalankan sahaja yang akan dipanggil temuduga.
- (i). Pemohonan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA** sekiranya tidak dihubungi dalam tempoh berikut:
- Selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup; atau
  - Selepas 6 bulan dari tarikh temuduga (sekiranya berjaya dipanggil temuduga)
- (j). Sebarang pertanyaan boleh dibuat dengan menghubungi pihak Urus setia melalui telefon atau melalui email berikut:
- urusetia : 03-5510 9063
  - email : admin@mnselangor.gov.my

**1. NAMA JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI BELIA & SUKAN (KONTRAK)**

Gred dan Jadual Gaji S29 : **GAJI MINIMUM** **GAJI MAKSIMUM**  
RM 1,493.00 RM 5,672.00

Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	-	RM 160.00
Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)	-	RM 300.00
Bantuan Sara Hidup (COLA)	-	RM 350.00
Kenaikan Gaji Tahunan	-	RM 145.00

Skim Perkhidmatan : Pelaksana

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana Berkelayakan STPM/DIPLOMA

Klasifikasi Perkhidmatan : Sosial (S)

**Syarat Lantikan:**

- a) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau  
[ Gaji Permulaan: RM1,493.00 ] **atau**
- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau  
[ Gaji Permulaan: RM1,493.00 ] **atau**
- (iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau  
[ Gaji Permulaan: RM1,493.00 ] **atau**
- (iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
[ Gaji Permulaan: RM1,770.95 ] **dan**
- b) Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- c) **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

d) **DESKRIPSI TUGAS:**

Bertanggungjawab menguruskan dan melaksanakan program/projek belia termasuk kerja-kerja menyelaras kegiatan-kegiatan berkenaan, memberi nasihat, bimbingan, kursus-kursus, membuat kajian keperluan belia dan merancang serta melaksanakan program di peringkat daerah dan negeri.

## 2. NAMA JAWATAN : JURUPULIH PERUBATAN (FISIOTERAPI)

Gred dan Jadual Gaji U29 : **GAJI MINIMUM** **GAJI MAKSIMUM**  
RM 1,797.00 RM 5,753.00

Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	-	RM 160.00
Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)	-	RM 300.00
Bantuan Sara Hidup (COLA)	-	RM 350.00
Kenaikan Gaji Tahunan	-	RM 145.00

Skim Perkhidmatan : Pelaksana

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana Berkelayakan STPM/DIPLOMA

Klasifikasi Perkhidmatan : Perubatan dan Kesihatan (U)

### Syarat Lantikan:

- a) (i) Diploma Dalam Bidang Fisioterapi, Pemulihan Cara Kerja Atau Bidang Berkaitan Yang Diiktiraf Oleh Kerajaan Daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan Atau Kelayakan Yang Diiktiraf Setaraf Dengannya.

[ Gaji Permulaan: RM1,797.00 ] atau

- b) Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

c) **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

d) **DESKRIPSI TUGAS:**

- Bertanggungjawab menilai dan mengenal pasti masalah pesakit dengan terperinci berlandaskan clinical reasoning dan kefahaman fisiologi serta manifestasi kecederaan. Menganalisa keutamaan masalah yang dihadapi.

- Menjalankan rawatan dengan menggunakan berbagai intervensi generic. Merancang, membentuk dan melaksanakan program promosi kesihatan dalam aspek berkaitan dan relevan dengan fisioterapi.

- Merancang dan melaksanakan aktiviti pencegahan bagi mengelak komplikasi berkaitan dengan kecederaan.

- Merancang dan melaksanakan program rehabilitasi untuk mengembalikan pergerakan dan kefungsian diri ke tahap maksima berdasarkan evidence based practice dan teknologi semasa.

- Merancang dan melaksanakan program bagi mengembangkan skop perkhidmatan fisioterapi merangkumi aktiviti/ program latihan dan penyelidikan.

**3. NAMA JAWATAN : PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) (KONTRAK)**

Gred dan Jadual Gaji W19 : **GAJI MINIMUM** **GAJI MAKSIMUM**  
RM 1,353.00 RM 4,005.00

Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	-	RM 115.00
Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)	-	RM 300.00
Bantuan Sara Hidup (COLA)	-	RM 350.00
Kenaikan Gaji Tahunan	-	RM 100.00

Skim Perkhidmatan : Pelaksana

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana Berkelayakan SPM

Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan (W)

**Syarat Lantikan:**

- a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.; atau

[ Gaji Permulaan: RM1,353.00 ] atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.; atau

[ Gaji Permulaan: RM1,409.40 ] atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[ Gaji Permulaan: RM1,409.40 ] atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[ Gaji Permulaan: RM1,465.80 ] atau

- (V) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[ Gaji Permulaan: RM1,465.80 ] dan

b) Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

c) **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

d) **DESKRIPSI TUGAS:**

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pengurusan kewangan sepenuh masa di peringkat Kumpulan Sokongan berhubung urusan-urusan kawalan belanjawan, kewangan am, terimaan, perolehan kerajaan, bayaran emolumen, pembayaran, akaun, pelaburan dan pinjaman.

**4. NAMA JAWATAN : PEMBANTU BELIA & SUKAN (KONTRAK)**

Gred dan Jadual Gaji S19 : **GAJI MINIMUM**      **GAJI MAKSIMUM**  
                                        RM 1,352.00                          RM 4,003.00

Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	-	RM 115.00
Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)	-	RM 300.00
Bantuan Sara Hidup (COLA)	-	RM 350.00
Kenaikan Gaji Tahunan	-	RM 100.00

Skim Perkhidmatan : Pelaksana

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana Berkelayakan SPM

Klasifikasi Perkhidmatan : Sosial (S)

**Syarat Lantikan:**

- a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau

[ Gaji Permulaan: RM1,352.00 ] **atau**

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

[ Gaji Permulaan: RM1,408.40 ] **atau**

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

[ Gaji Permulaan: RM1,464.80 ] **dan**

- b) Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**c) PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

**d) DESKRIPSI TUGAS:**

Bertanggungjawab melaksanakan program-program serta aktiviti berkaitan belia dan sukan di peringkat daerah dan negeri.